

- (c) dengan menggantikan perkataan "Governor" yang terdapat selepas perkataan "Deputy" dalam subseksyen (4) dengan perkataan "Governors"; dan
- (d) dengan memasukkan, selepas perkataan-perkataan "Governor or" dalam subseksyen (5), perkataan "any".

Pindaan
seksyen 9.

4. Seksyen 9 Ordinan adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan yang berikut:

"(1) The Governor shall be appointed by the Yang di-Pertuan Agong and the Deputy Governors by the Minister."; dan

- (b) dengan menggantikan perkataan "Governor" yang terdapat selepas perkataan "Deputy" dalam subseksyen (2), (3), (4) dan (5) dengan perkataan "Governors".

Pindaan
seksyen 11.

5. Seksyen 11 Ordinan adalah dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan-perkataan ", Deputy Governor," dalam subseksyen (2); dan
- (b) dengan memasukkan, selepas subseksyen (2), subseksyen baru (3) yang berikut:

"(3) The Minister may terminate the appointment of any Deputy Governor on the grounds specified in subsection (2).".

Pindaan
seksyen 12.

6. Seksyen 12 Ordinan adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan "the" yang terdapat sebelum perkataan-perkataan "Deputy Governor" dengan perkataan "any"; dan
- (b) dengan memasukkan, selepas perkataan "Agong", perkataan-perkataan ", or in the case of a Deputy Governor, by the Minister,".

7. Seksyen 13 Ordinan adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "the Deputy Governor" dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan "any Deputy Governor so designated by the Governor". Pindaan seksyen 13.
8. Seksyen 15 Ordinan adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Governor" yang terdapat selepas perkataan "Deputy" dalam subseksyen (3) dengan perkataan "Governors". Pindaan seksyen 15.
9. Seksyen 26 Ordinan adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "the" yang terdapat sebelum perkataan-perkataan "Deputy Governor" di setiap tempat di mana ia terdapat dalam subseksyen (1) dengan perkataan "any". Pindaan seksyen 26.
10. Seksyen 30 Ordinan adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Governor" yang terdapat selepas perkataan "Deputy" dalam subseksyen 8 dengan perkataan "Governors". Pindaan seksyen 30.
11. Seksyen 31 Ordinan adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Governor" yang terdapat selepas perkataan "Deputy" dalam perenggan (*e*) dengan perkataan "Governors". Pindaan seksyen 31.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Ordinan Bank Negara Malaysia 1958 (kemudian daripada ini disebut "Ordinan") untuk membolehkan perlantikan tidak lebih daripada tiga orang Timbalan Gabenor untuk Bank Negara Malaysia. Peruntukan-peruntukan Ordinan kini hanya membolehkan perlantikan seorang Timbalan Gabenor. Memandangkan fungsi-fungsi yang diberi kepada Bank Negara telah bertambah di bawah beberapa pindaan kepada Ordinan dan lain-lain perundangan dan juga di bawah undang-undang baru, adalah perlu Gabenor Bank Negara dibantu oleh lebih ramai Timbalan-Timbalannya.

2. *Fasal 1* memperuntukkan tajuk ringkas untuk Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 8 Ordinan untuk mengadakan tidak lebih daripada tiga orang Timbalan Gabenor dalam Lembaga Pengarah Bank Negara.
4. *Fasal 4* bertujuan meminda seksyen 9 Ordinan untuk memberi kuasa kepada Menteri melantik Timbalan-Timbalan Gabenor.
5. *Fasal 5* bertujuan meminda seksyen 11 untuk memberi kuasa kepada Menteri menamatkan perlantikan Timbalan-Timbalan Gabenor.
6. *Fasal 6* bertujuan meminda seksyen 12 untuk membolehkan Menteri mengisi rana-mana kekosongan luar jangka dalam jawatan Timbalan Gabenor.
7. *Fasal 2, 3 (b), 3 (c), 3 (d), 7, 8, 9, 10 dan 11* bertujuan membuat pindaan-pindaan berbangkit kepada seksyen 2,8,13,15,26,30 dan 31 Ordinan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1672.]